



HARGA UNTUK TERUS BERTAHAN

Pengurusan kehakiman mungkin memberikan PRG Holdings ruang untuk bernafas dan menyusun semula perniagaannya. Persoalannya, apakah harga yang perlu dibayar oleh syarikat dan akhirnya para pemegang saham?

USAHA MENYELAMATKAN SYARIKAT: BERBALOI ATAU TIDAK?

Kemelut yang melanda PRG Holdings Berhad (PRG) masih belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir. Malah, setiap perkembangan baharu menjadikan krisis ini semakin rumit.

Susulan petisyen penggulungan yang difailkan oleh pemegang saham terbesarnya, PRG mengambil langkah yang agak luar biasa apabila membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi Malaya untuk diletakkan di bawah pengurusan kehakiman (*judicial management*) menurut Akta Syarikat 2016.

Langkah ini berpotensi memberikan PRG perlindungan sementara daripada tindakan undang-undang pemiutang serta peluang untuk menyusun semula kedudukan kewangannya. Namun, adakah ruang untuk “bernafas” itu dibayar dengan pengorbanan besar daripada syarikat dan pemegang saham?

Bagaimanakah Tercetusnya Kemelut Ini?

Krisis ini dikatakan berpunca daripada urus niaga pihak berkaitan (RPT) yang didakwa tidak didedahkan, serta kegagalan satu cadangan penyelesaian hutang yang melibatkan anak syarikat milik penuh PRG, Premier Construction (International) Sdn Bhd (PCI) dengan Premier De Muara Sdn Bhd (PDM), sebuah syarikat pemaju yang didakwa mempunyai kaitan dengan pemegang saham terbesar PRG, Datuk Ng Yan Cheng.

Isunya berkisar tentang hutang sebanyak RM37.17 juta yang perlu dibayar oleh PDM kepada PCI untuk kerja-kerja pembinaan projek Picasso Residence di Kuala Lumpur. Melalui cadangan penyelesaian yang diumumkan pada 23 April, PDM bersetuju memindahkan 12 unit kediaman bernilai RM13.37 juta sebagai bayaran untuk sebahagian daripada hutang tersebut, manakala bakinya sebanyak RM23.44 juta akan dirundingkan kemudian.

Bagaimanapun, cadangan penyelesaian hutang itu terbatal pada 19 Mei selepas timbul persoalan mengenai hubungan yang tidak didedahkan antara PDM dengan Datuk Ng, yang memegang 16.45% kepentingan dalam PRG. Lembaga Pengarah PRG menjelaskan bahawa mereka tidak tahu menahu tentang hubungan tersebut ketika Perjanjian Penyelesaian itu dirunding dan dimeterai.

Susulan pembatalan perjanjian itu, PCI menuntut supaya keseluruhan hutang sebanyak RM37.17 juta itu dilangsaikan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh pembatalan perjanjian.

PCI kemudiannya meningkatkan usaha bagi mendapatkan semula wang tersebut daripada PDM. Pada 8 Jun, syarikat itu mengeluarkan surat tuntutan bagi mendapatkan RM64.24 juta daripada PDM, iaitu jumlah yang didakwa masih belum dibayar untuk kerja-

kerja pembinaan projek Picasso. Tidak lama kemudian, pada 9 Julai, PCI memfailkan tindakan penggulungan terhadap PDM bagi mendapatkan semula jumlah tersebut.

Sementara itu, Datuk Ng tidak berpeluk tubuh. Beliau bangkit dan “melawan”. Pada 30 Jun, beliau menuntut supaya PRG membayar balik RM21.22 juta, iaitu pendahuluan pemegang saham yang pernah diberikan oleh beliau kepada syarikat, dalam tempoh 21 hari.

Apabila kedua-dua pihak gagal mencapai persetujuan untuk menyusun semula pembayaran pendahuluan tersebut, Datuk Ng mengambil langkah lebih drastik dengan memfailkan petisyen penggulungan terhadap PRG pada 22 Julai.

Secara keseluruhan, beliau mendakwa telah menyalurkan sebanyak RM89.55 juta kepada PRG dan anak-anak syarikatnya selama ini, dengan kira-kira RM73.1 juta masih belum dibayar. Menurut beliau, kebanyakan pembiayaan itu diberikan tanpa cagaran dan tidak dikenakan faedah, sekali gus membantu PRG terus beroperasi ketika syarikat mengalami kekangan aliran tunai.

Datuk Ng turut menolak dakwaan bahawa tindakannya bercanggah dengan kepentingan PRG. Sebaliknya, beliau menegaskan bahawa kepentingannya sejajar dengan usaha untuk memulihkan syarikat kerana kegagalan PRG akan menyebabkan beliau berisiko kehilangan wang pendahuluan tersebut serta nilai pegangan sahamnya.

Pada masa yang sama, pemegang saham kedua terbesar PRG, Datuk Sheah Kok Fah, yang memegang 8.14% kepentingan, turut memainkan peranan penting dalam perkembangan ini. Pada 9 Jun, beliau menggesa supaya satu semakan bebas dijalankan terhadap urus niaga berkenaan semasa mesyuarat agung tahunan PRG yang berlangsung pada 25 Jun. Berikutan itu, PKF Covenant Equity Consulting Sdn Bhd telah dilantik pada 24 Jun bagi menjalankan semakan bebas terhadap urus niaga pihak berkaitan tersebut.

Selain itu, Datuk Sheah turut mengemukakan cadangan supaya Pengarah Urusan Kumpulan, Andrew Chan Lim-Fai, disingkirkan daripada jawatannya. Chan merupakan menantu kepada Datuk Ng.

Walaupun cadangan itu ditolak dalam AGM kerana isu tempoh notis yang tidak mencukupi, Chan akhirnya meletakkan jawatan secara sukarela pada 13 Julai, dengan alasan bahawa keputusan itu dibuat demi kepentingan syarikat. Beliau digantikan secara serta-merta oleh Kang Boon Lian, seorang warga Singapura.

Di sebalik pergolakan korporat ini, prestasi kewangan PRG juga tidak banyak membantu. Syarikat mencatatkan kerugian bersih berjumlah RM39.8 juta pada tahun kewangan 2025, menjadikannya tahun ketiga berturut-turut mencatatkan kerugian, selepas kerugian sebanyak RM68.1 juta pada tahun kewangan 2024 dan RM11.1 juta pada tahun kewangan 2023.

Prestasi lemah itu berterusan pada suku pertama tahun kewangan 2026 yang berakhir 31 Mac 2026, apabila PRG merekodkan kerugian bersih sebanyak RM13.99 juta, sebahagian besarnya disebabkan oleh rosot nilai aset serta sumbangan projek yang lebih rendah.

Perkara yang bermula sebagai pertikaian mengenai penyelesaian hutang kini berkembang menjadi konflik pemegang saham yang jauh lebih besar, yang melibatkan isu tadbir urus korporat, semakin bebas terhadap urus niaga pihak berkaitan, perebutan kuasa di bilik lembaga, tindakan penggulungan serta kemungkinan syarikat diletakkan di bawah pengurusan kehakiman.

Harga Yang Perlu Dibayar

Di bawah Seksyen 403 hingga 430 Akta Syarikat 2016, pengurusan kehakiman merupakan satu mekanisme penyelamatan korporat yang diwujudkan bagi membantu syarikat yang menghadapi masalah kewangan. Melalui mekanisme ini, tindakan pemiutang terhadap syarikat akan dihentikan buat sementara waktu supaya syarikat mempunyai ruang untuk menyusun semula operasi dan liabilitinya.

Mahkamah akan melantik pengurus kehakiman bebas, yang akan mengambil alih sepenuhnya kawalan ke atas pengurusan syarikat. Mereka bertanggungjawab menilai kedudukan kewangan syarikat, menentukan sama ada pelan untuk menyelamatkan syarikat boleh dilaksanakan serta melaksanakan proses penstrukturan semula yang memberi manfaat kepada para pemiutang dan syarikat secara keseluruhan.

Walaupun sesetengah pihak mungkin menganggap kelulusan perintah pengurusan kehakiman (*judicial management order*, JMO) sekadar memberi “nafas baharu” kepada syarikat, implikasi sebenar adalah jauh lebih besar.

Sebaik sahaja JMO berkuat kuasa, syarikat akan menikmati moratorium selama enam bulan, yang boleh dilanjutkan dengan kelulusan Mahkamah. Dalam tempoh tersebut, kebanyakan tindakan undang-undang, penguatkuasaan ataupun prosiding penggulungan oleh pemiutang terhadap syarikat tidak boleh diteruskan tanpa kebenaran Mahkamah. Tujuannya adalah untuk melindungi aset syarikat serta memberikan masa dan kestabilan kepada pengurus kehakiman untuk merangka dan melaksanakan pelan penstrukturan semula syarikat.

Kesan paling besar sebenarnya melibatkan perubahan kawalan ke atas syarikat.

Sebelum JMO diluluskan, segala keputusan syarikat berada di tangan Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan. Namun selepas perintah itu berkuat kuasa, kuasa tersebut akan berpindah sepenuhnya kepada pengurus kehakiman. Ini bermakna Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan menjadi *functus officio*, tidak lagi mempunyai kuasa untuk mengurus syarikat. Segala keputusan strategik, operasi dan pentadbiran akan ditentukan oleh pengurus kehakiman sepanjang tempoh pengurusan kehakiman berkuat kuasa.

Pengurus kehakiman diberikan kuasa untuk menjalankan semua tanggungjawab dan menggunakan semua kuasa yang sebelum ini terletak di bawah bidang kuasa lembaga pengarah, sebagaimana diperuntukkan dalam Akta Syarikat 2016 dan perlembagaan syarikat. Dalam erti kata lain, lembaga pengarah tidak lagi mengurus atau menentukan hala tuju syarikat. Segala keputusan strategik dan operasi akan dikendalikan oleh pengurus kehakiman sepanjang tempoh pengurusan kehakiman.

Kesan pengurusan kehakiman ini bukan sekadar pertukaran pihak yang mengurus syarikat. Ia juga mewujudkan tempoh ketidakpastian yang berpanjangan terhadap masa depan syarikat. Proses penstrukturan semula lazimnya mengambil masa berbulan-bulan, malah untuk kes yang lebih rumit, boleh berlanjutan sehingga bertahun-tahun sebelum keputusan muktamad dicapai. Tempoh tersebut turut bergantung pada kelulusan pemiutang dan Mahkamah.

Apakah Nasib Pemegang Saham Minoriti Selepas Pengurusan Kehakiman?

Untuk pemegang saham minoriti, situasi ini mewujudkan ketidakpastian yang serius.

Dalam kebanyakan proses penstrukturan semula, keutamaan biasanya diberikan kepada usaha memaksimumkan pembayaran balik kepada pemiutang, selain memastikan syarikat terus bertahan. Bagaimana pula dengan perlindungan nilai pelaburan pemegang saham? Kepentingan pemiutang bercagar lazimnya dilindungi melalui proses penstrukturan semula, manakala pemegang saham berada di kedudukan paling akhir dalam hierarki tuntutan sesebuah syarikat. Mereka hanya berhak menikmati baki nilai syarikat selepas semua tuntutan pemiutang diselesaikan.

Lebih membimbangkan, pemegang saham minoriti mempunyai pengaruh yang sangat terhad dalam keseluruhan proses pengurusan kehakiman. Pengurus kehakiman bertanggungjawab kepada syarikat, manakala keputusan sama ada pelan penstrukturan semula diteruskan atau tidak akhirnya ditentukan oleh para pemiutang. Ini bermakna pemegang saham minoriti akan menerima kesan daripada keputusan penting, tetapi mempunyai ruang yang amat terhad untuk mempengaruhinya.

Bagi syarikat tersenarai seperti PRG, pengurusan kehakiman juga boleh menjejaskan keyakinan pasaran, memanjangkan tempoh ketidakpastian berhubung masa depan syarikat, melambatkan pelaksanaan strategi perniagaan serta berpotensi menyebabkan pegangan saham sedia ada dicairkan bergantung kepada bentuk penstrukturan semula yang akhirnya dilaksanakan. Walaupun pengurusan kehakiman bertujuan menyelamatkan syarikat, ia tidak semestinya memelihara nilai pemegang saham.

Kesimpulannya, mekanisme pengurusan kehakiman diwujudkan bagi menyelamatkan syarikat dan bukannya menjamin pulangan pelaburan pemegang saham.

Oleh itu, persoalan sebenar untuk pemegang saham minoriti bukan lagi sama ada PRG mampu diselamatkan, tetapi masihkah ada nilai yang tinggal untuk mereka apabila proses menyelamatkan syarikat itu berakhir.

[TAMAT]







FRAUD, SCANDALS & GOVERNANCE RED FLAGS

DETECT, ESCALATE AND PREVENT


12 AUGUST 2026
WEDNESDAY


AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR


9.00 AM - 5.00 PM



Scan the QR Code for more details




[@MSWGMalaysia](#)

[mswg.org.my](#)







FINANCIAL CRIME OUTLOOK 2026

Understanding the Environment, Governance Expectations, and Strategic Response


13 AUGUST 2026
THURSDAY


AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR


9.00 AM - 5.00 PM



Scan the QR Code for more details




[@MSWGMalaysia](#)

[mswg.org.my](#)






GOVERNANCE THAT EARNS TRUST

WORKING WITH MCCG


27 AUGUST 2026
THURSDAY


MICROSOFT TEAMS


9.00 AM - 1.00 PM



Scan the QR Code for more details




[@MSWGMalaysia](#)

[mswg.org.my](#)







ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Building Organisational Resilience through Structured Risk Oversight


21 & 22 SEPTEMBER 2026
MONDAY & TUESDAY


THE MAJESTIC HOTEL,
KUALA LUMPUR


9.00 AM - 5.00 PM



Scan the QR Code for more details




[@MSWGMalaysia](#)

[mswg.org.my](#)







AML/CFI GOVERNANCE AND BOARD OVERSIGHT

Understanding Risk, Regulatory Expectations, and Leadership Accountability


24 SEPTEMBER 2026
THURSDAY


AICB CENTRE OF EXCELLENCE,
KUALA LUMPUR


9.00 AM - 5.00 PM



Scan the QR Code for more details




[@MSWGMalaysia](#)

[mswg.org.my](#)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berikutan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas keberangutan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.